

Strategi Diplomatik Bervariasi Suatu Kearifan Lokal dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu Differentiated Diplomatic Strategy: A Form of Local Genius in The Governance of The Malay Sultanate

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

ABSTRAK

Strategi diplomatik bervariasi merupakan hasil ciptaan intelektual pemerintah kerajaan pada zaman kesultanan Melayu. Strategi ini dibentuk bukan hanya tertumpu kepada hubungan baru semata, namun ia juga berfokuskan kepada pengukuhan hubungan diplomatik sedia ada. Menerusi naskah Melayu lama, kebanyakan strategi diplomatik bervariasi ini mendapat reaksi positif daripada kerajaan lain, yang mana kerajaan tersebut bersetuju dan bersedia untuk menjalankan, meneruskan atau memperbaiki semula hubungan yang terputus. Hal ini menunjukkan bahawa strategi yang dihasilkan oleh orang Melayu adalah mantap, bermatlamat dan berkualiti. Ternyata, kearifan lokal masyarakat Melayu ini sangat berharga dan perlu dititikberatkan. Antara strategi diplomatik bervariasi yang dimaksudkan ialah a) strategi hubungan diplomatik secara serentak, b) strategi dua dalam satu, c) strategi muslihat keamanan, d) strategi kerjasama membanteras musuh, dan e) strategi mempertautkan semula hubungan diplomatik. Rangkuman strategi ini akan dibincangkan dengan merujuk naskah Melayu lama sebagai bahan perbincangan utama.

Kata kunci: Strategi; diplomatik; kerajaan; pemerintahan; Melayu

ABSTRACT

During the Malay Sultanate era, diplomatic strategy variation was the outcome of the intellectual invention of the government leader. This strategy was designed not only towards the new associations, but also focused on strengthening the existing diplomatic affiliations. The ancient Malay script indicated that most of the diplomatic strategy variation attained positive reactions from other states, which agreed and prepared to foster, endure and resolve the ruined affiliations. Evidently, it shows that the strategy produced by the Malays was solid, attentive and excellent. Hence, the Malay local wisdom is valuable and it needs to be accentuated. Among the diplomatic strategy variables are a) simultaneous diplomatic relationship strategy, b) two in one strategy c) peace trick strategy, d) cooperative strategy to encounter enemies, and e) diplomatic relationship reconciliation strategy. These strategies will be discussed based on the Malay ancient script as the main conference materials.

Keywords: Strategy; diplomatic; government; governance; Malay

PENDAHULUAN

Strategi ialah pembentukan pelan atau suatu cara yang digunakan untuk mencapai sesuatu objektif dengan melihat kepada teknik yang sistematik. Menurut Quinn (1980), strategi ialah corak atau rancangan yang mengintegrasikan keseluruhan matlamat, polisi, dan perbuatan bagi organisasi secara keseluruhannya. Manakala, Mintzberg (1994) pula menggambarkan strategi sebagai perancangan, di mana suatu petunjuk akan digunakan dalam menjalankan aktiviti pada masa hadapan. Pemilihan strategi yang betul dan tepat akan melancarkan segala perancangan yang telah direncanakan.

Pada zaman pemerintahan kesultanan Melayu, telah terbentuk suatu strategi yang dinamakan sebagai strategi diplomatik. Menurut Mokhtar Muhammad (2005:18), diplomatik merujuk kepada

hubungan tersusun antara kerajaan dan merupakan rangka asas kepada perhubungan antara negara dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara dalam perhubungan rasmi di antara negara-negara. Dalam *Ensiklopedia Dunia* (2005: 216), diplomatik bermaksud kaedah pengendalian perundingan antara negara. Ia melibatkan pembentukan dasar yang diikuti oleh sesebuah negara untuk mempengaruhi negara lain. Oleh itu, strategi diplomatik ialah perancangan atau penyusunan sesuatu jalinan hubungan antara kerajaan yang dilakukan secara sistematik dengan menggunakan daya fikir dan daya tenaga bagi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. Sultan yang dibantu oleh golongan pelaksana, iaitu golongan pembesar bekerjasama dan berganding bahu daripada sudut akal fikir dan tenaga untuk merangka strategi terbaik bagi melindungi kerajaannya.

Sehubungan dengan itu, berbicara tentang kearifan lokal, iaitu tentang kebitaraan masyarakat Melayu, dapat dinyatakan di sini bahawa strategi diplomatik ini merupakan kearifan lokal orang Melayu pada zaman kesultanan Melayu. Kearifan lokal atau *local wisdom* ialah usaha manusia menggunakan akal budinya untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu, objek, atau peristiwa yang terjadi dalam ruang tertentu (Ridwan 2007:2). Manakala, Keraf (2010: 369) berpendapat kearifan lokal ialah semua bentuk pengetahuan, keyakinan, pemahaman atau wawasan serta adat kebiasaan atau etika yang memperlihatkan perilaku manusia dalam kehidupan. Dalam kajian ini, kearifan lokal menerusi strategi diplomatik bervariasi ini dapat mengetengahkan tentang epistemologi atau ilmu pengetahuan orang Melayu untuk mengurus tadbir hubungan diplomatiknya. Namun, strategi yang dibentuk ini bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini kerana, pihak pemerintah sesebuah kerajaan perlu peka dan melakukan pemerhatian khusus tentang matlamat, keperluan, dan latar belakang sesebuah kerajaan yang ingin 'ditawarkan' hubungan diplomatik.

Menurut Karen Mingst (1998:14-15) dalam bukunya *Approaches to the Study of International Relation*, terdapat tiga pendekatan yang membentuk hubungan antarabangsa (diplomatik), iaitu hubungan tradisional, perlakuan (*behavioral*) dan alternatif. Hubungan tradisional ialah satu bentuk hubungan tradisi merentasi masa, iaitu satu bentuk hubungan diplomasi yang telah sedia ada terjalin. Manakala hubungan antarabangsa atas sebab perlakuan (*behavioral*) pula ialah satu bentuk hubungan yang dijalin atas sebab-sebab ekonomi, sosiologi, dan sains politik. Sementara itu, hubungan antarabangsa juga boleh terbentuk atas sebab alternatif yang terdapat beberapa faktor yang mendorong sesuatu negara mengadakan hubungan diplomatik antaranya ialah menunjukkan kerjasama dan usaha sama dalam sesuatu dasar, konsep atau objektif yang ingin dicapai secara bersama. Justeru, dengan mengenal pasti objektif hubungan diplomatik tersebut, maka golongan sultan akan mengorak langkah bersama pembesar kerajaan untuk membentuk strategi diplomatik.

Antara kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan Melayu dalam pelaksanaan strategi diplomatik yang berkesan ialah pemantapan aspek politik, ekonomi, sosial, dan budaya. Misalnya, hubungan diplomatik menerusi perkahwinan antara kerajaan Melaka (Sultan Mansur) dengan kerajaan Majapahit (Raden Galoh Cendera Kirana) dan kerajaan

China (Puteri Hang Liu) telah memberikan kesan positif dalam bidang politik, ekonomi, dan juga sosial kepada kerajaan Melaka. Misalnya, dalam bidang politik; dengan perlindungan daripada kerajaan Majapahit dan China, Melaka telah berjaya menangani ancaman daripada anasir luar seperti Siam yang ingin mengganggu gugat keselamatan Melaka. Situasi ini telah memakmurkan Melaka dan impaknya, ekonomi, dan sosial kerajaan Melaka turut berkembang pesat apabila ramai pedagang dari negara luar seperti Kaherah, Mekah, Orissa, Ceylon, Malindi, Ormuz, Parsi, Turki, Maluku, Jawa, Timur, Maldives, Madura, Sunda dan Benggala (A. Samad Ahmad 2010: 79-80). Keadaan tersebut juga turut dirakamkan oleh Tome Pires pada tahun 1512 dalam *Suma Oriental of Tome Pires* (Armando Cortesao (ed.) 1944:287). Beliau menyatakan bahawa "Barang siapa menguasai Melaka, maka ia akan dapat menguasai Venice". Venice pada masa itu merupakan sebuah pelabuhan yang besar di Eropah bagi barang dagangan dari Asia.

Selain itu juga, kesan daripada perhubungan Melaka dan China telah mewujudkan satu komuniti baru di Melaka, iaitu komuniti Baba dan Nyonya. De Eredia melaporkan pada tahun 1613 bahawa orang Cina mula menetap di Melaka dan membentuk komuniti tersendiri pada awal kurun ke-17 dan oleh kerana tiada pendatang wanita China pada waktu itu, lelaki Cina telah berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Oleh sebab itu, mereka terpaksa menggunakan bahasa Melayu, bukan sahaja semasa berjual beli tetapi juga semasa berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan dalam kalangan keluarga sendiri. Dengan demikian, satu proses pembudayaan Melayu telah berlaku ke atas mereka yang melahirkan satu budaya kacukan China-Melayu yang unik yang dinamakan sebagai Baba dan Nyonya (Hashim Musa 2004:147).

Di samping itu, hubungan kerajaan Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Johan Pahlawan Mahkota Alam (1590-1636) dengan kerajaan Uthmaniyah telah memantapkan sistem ketahanan dan pertahanan kerajaan Aceh. Hal ini kerana, sultan Aceh mengadakan hubungan terbaik-baik dengan menghantar utusannya ke Turki dan membawa hadiah seperti rempah-ratus untuk dihadiahkan kepada pemerintah Uthmaniyah agar bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dengan Aceh. Akhirnya, strategi tersebut tercapai, apabila rombongan Aceh diterima baik oleh Khalifah Turki Uthmaniyah dan telah mengirim hadiah balasan berupa sebuah meriam dan penasihat militer untuk membantu memperkuat angkatan

perang kerajaan Aceh (Fadhullah Jamil 1984:40). Begitu juga yang berlaku dengan hubungan Kedah dan Siam. Hubungan diplomatik antara kedua buah kerajaan ini telah berubah coraknya semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah (1854-1879). Hubungan dingin sebelum ini bertukar erat, setelah Sultan Ahmad Tajuddin mengahwini anak angkat Perdana Menteri Thai Chao Phraya, Sri Suriyawong (Samdet Chao Phraya) yang bernama Wan Jah binti Luang Nik Abidin pada tahun 1855. Perkahwinan politik ini membawa kesan yang positif kepada baginda dalam hubungan Kedah dan Siam.

Bagi memudahkan hubungan dua hala ini, Sultan Ahmad Tajuddin menitahkan membina jalan bagi menghubungkan negeri baginda dengan Singgora, di selatan Siam pada tahun 1862. Pembinaan jalan tersebut memakan masa kira-kira tiga tahun dan memberi impak yang besar bagi pertumbuhan ekonomi dua buah kerajaan itu. Ikatan hubungan diplomatik tersebut menjadi lebih erat lagi apabila para pembesar negeri Kedah membuat lawatan diplomatik ke negeri Siam dan Siam juga membuat lawatan balas ke negeri Kedah. Misalnya, baginda Sultan Ahmad Tajuddin kerap kali mengadakan lawatan rasmi atau tidak rasmi ke selatan Siam dan ke Bangkok apabila upacara-upacara rasmi diadakan. Begitu juga Raja Chulalongkorn buat pertama kalinya pada tahun 1871 bersama rombongannya datang melawat Kedah selepas baginda melawat India. Hubungan yang kukuh kedua-dua pihak raja ini dapat dibuktikan lagi setelah Raja Chulalongkorn menganugerahkan Sultan Ahmad Tajuddin dengan pangkat “Chao Phraya Ritthisongkram-rampak di Sri Sultan (Kobkua Suwannathat-Pian 1988:81). Selain daripada kerajaan Melaka, Kedah, dan Aceh, terdapat juga kerajaan pada zaman kesultanan Melayu seperti Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu yang turut sama menggunakan strategi tersendiri dalam menebar hubungan diplomatik masing-masing.

STRATEGI DIPLOMATIK BERVARIASI DALAM NASKHAH MELAYU

Kegeniusan atau kebitaraan orang Melayu terserlah apabila mereka mencorakkan kevariasian atau kepelbagaian dalam hubungan diplomatik. Lazimnya, pemerintah kerajaan akan mencipta strategi diplomatik yang mampu memberikan kesan positif untuk berhubungan lebih erat

dengan kerajaan lain. Strategi yang dibentuk itu bukan sahaja tertumpu kepada pembinaan kepada permulaan sesebuah hubungan diplomatik semata, malahan ia mencakupi situasi semasa berhubungan dan juga cara untuk memulihkan hubungan sekiranya unsur-unsur ketidakpercayaan atau keraguan dalam hubungan itu mula wujud. Menurut Ab. Aziz Yusof (2007:49), sesuatu jalinan hubungan itu berteraskan kepada sifat percaya. Sekiranya ketidakpercayaan wujud, maka ia akan menjurus kepada kehancuran. Dalam hubungan diplomatik, sebolehnya sesebuah kerajaan yang telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain berusaha mengelakkan perkara tersebut daripada berlaku.

Bertitik tolak daripada situasi tersebut, maka terbentuklah strategi diplomatik bervariasi dalam hubungan diplomatik. Antara strategi diplomatik bervariasi yang akan dibincangkan ialah a) strategi hubungan diplomatik secara serentak, b) strategi dua dalam satu, c) strategi muslihat keamanan, d) strategi kerjasama membanteras musuh, dan e) strategi mempertautkan semula hubungan diplomatik. Strategi-strategi yang dinyatakan ini akan dikupas menerusi naskhah Melayu terpilih, iaitu *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tuhfat al-Nafis*, dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.

STRATEGI HUBUNGAN DIPLOMATIK SECARA SERENTAK

Strategi hubungan diplomatik secara serentak ialah usaha yang dilakukan oleh sebuah kerajaan untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan dua buah kerajaan pilihan atau kerajaan yang berlainan dalam satu masa yang sama. Dalam *Kamus Dewan* (2005: 1469), serentak ialah serampak, sekali gus dan sederap. Pada kebiasaannya, strategi ini digunakan oleh kerajaan yang baharu ditubuhkan sebagai pengenalan diri untuk membantu kerajaan tersebut meluaskan hubungan diplomatik dan mewujudkan persefahaman antara kerajaan terlibat; walaupun corak pentadbiran, pegangan agama serta budaya yang berlainan. Dalam naskhah *Hikayat Merong Mahawangsa*, pengarang menceritakan bagaimana kerajaan Langkasuka menggunakan strategi hubungan diplomatik secara serentak sebagai usahanya menebarkan hubungan diplomatik kerajaan.

Kerajaan Langkasuka merupakan sebuah kerajaan kecil di awal pembukaannya dan tidak begitu dikenali oleh kerajaan sekitarnya. Oleh itu, sebagai pemerintah kerajaan yang baharu, Raja

Merong Mahawangsa menyedari bahawa baginda perlu membuat suatu anjakan paradigma agar nama kerajaan Langkasuka mendapat perhatian daripada kerajaan luar. Anjakan paradigma ialah peralihan atau perubahan daripada sesuatu keadaan atau lingkungan fikiran ke keadaan atau lingkungan fikiran yang baru, biasanya yang lebih baik (*Kamus Dewan 2005: 62*). Salah satu anjakan yang diambil oleh baginda ialah dengan menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan berpengaruh yang berdekatan dengan Langkasuka. Pada mulanya, pendapat awal Raja Merong Mahawangsa tentang hubungan diplomatik agak 'sempit' apabila baginda berpendapat bahawa hubungan diplomatik hanya terjalin menerusi ikatan perkahwinan diraja sahaja. Namun, setelah berbincang dengan menteri baginda, Raja Merong Mahawangsa mendapat idea untuk mempelbagaikan cara dalam usaha menarik perhatian kerajaan luar kepada Langkasuka. Dialog di bawah ini menggambarkan situasi yang dimaksudkan:

...Maka titah Raja Merong Mahawangsa kepada menteri keempat itu, "Di mana juga ada negeri besar hampir dengan di sini, kalau-kalau ada ia menaruh anak perempuan, supaya boleh kita pinang anaknya akan anak kita ini?" Maka sembah menteri tua yang keempat, "Tiada, tuanku, negeri yang dekat-dekat ini; patik sekalian beroleh khabar, hanya yang ada negeri pun khabaran di Pulau Perca, negeri Aceh namanya, tuanku, ada sebuah di susur laut jua negeri itu, banyak jua takluknya. Dan jauh pelayarannya dua puluh lima hari lamanya daripada sini dan halanya sebelah tanah daratan kita ini ada sebuah negeri pula. Nama rajanya Kelinggi, lautnya daripada sebelah kita datang jua, negeri itu pun jauhlah jua pelayarannya itu hingga sebulan belayar maka sampailah; terlalu banyak segala yang ajaib di dalam negeri itu, daripada tempayan dan guri dan pohon kayu malau-tahi-semut dan lagi pun banyak kayu yang besar-besar dan di hulu sungainya jauh serta dengan luasnya, tuanku" (*Siti Hawa Salleh 1998:29-30*).

Apabila mendengar jawapan daripada menteri baginda itu, Raja Merong Mahawangsa seperti mendapat 'habuan besar' apabila memperoleh maklumat geografi tentang Langkasuka yang dikelilingi oleh kerajaan yang berpengaruh, iaitu kerajaan Aceh dan kerajaan Kelinggi. Dalam hal ini, pembesar istana memainkan peranan yang penting dalam membantu rajanya menguruskan dan seterusnya menentukan corak diplomatik yang sesuai digunakan. Apabila memperkatakan tentang pembesar, suka dinyatakan di sini bahawa antara sifat yang perlu ada pada seorang pembesar istana ialah:


"Apabila berkata-kata dengan raja maka bagi dengan hatinya dan nyawanya dan akalannya"-*Nasihah al-Muluk*, syarat kelapan (Jelani Harun 2003:169).

Berdasarkan informasi yang diberikan oleh pembesar istana itu, Raja Merong Mahawangsa


mula merancang strategi diplomatik untuk menarik perhatian kedua-dua kerajaan tersebut. Pada waktu inilah, timbulnya idea untuk menggunakan strategi hubungan diplomatik secara serentak. Antara cara yang digunakan oleh kerajaan Langkasuka dalam menjayakan strategi diplomatik ini dapat dibuktikan menerusi contoh petikan di bawah:

Maka titah Raja Merong Mahawangsa, "Jikalau demikian, hendaklah tuan hamba perbuat surat, kita pinta sebiji tempayan yang besar daripada segala tempayan yang banyak-banyak itu kepada raja Kelinggi itu, kemudian boleh kita ambil khabar anaknya. Dan negeri Aceh itu pun perbuat juga surat, kita beri akan dia, tanda kita tulus ikhlas hendak berkasih-kasih dengan dia, lagi menyatakan kita baharu buat negeri ini, pinta tolong mana yang ada, segala ajaib-ajaib, daripada harta atau dagangan, boleh ia hantar mari negeri kita ini. Itulah tanda kita berkasih-kasih raja sama raja" (*Siti Hawa Salleh 1998: 30*).

Gambar rajah di bawah ini ialah ringkasan tentang cara yang digunakan oleh Raja Merong Mahawangsa dalam merealisasikan hubungan diplomatik secara serentak dengan dua buah kerajaan tersebut.



RAJAH 1. Strategi pelaksanaan diplomatik yang dirancang oleh kerajaan Langkasuka terhadap kerajaan Kelinggi



RAJAH 2. Strategi pelaksanaan diplomatik yang dirancang oleh kerajaan Langkasuka terhadap kerajaan Aceh

Strategi pelaksanaan yang digunakan oleh Raja Merong Mahawangsa kepada kerajaan Aceh dan Kelinggi adalah untuk membentuk kepelbagaian hubungan diplomatik dengan kedua-dua kerajaan tersebut. Misalnya hubungan kerajaan Langkasuka

dengan kerajaan Kelinggi ialah bermotifkan hubungan diplomatik sosial manakala hubungan kerajaan Langkasuka dengan kerajaan Aceh lebih bermotifkan kepada hubungan diplomatik sosiopolitik dan sosioekonomi. Tujuan Raja Merong Mahawangsa menjalinkan kepelbagaian hubungan diplomatik ialah :

1. Memperkenalkan nama kerajaan Langkasuka sebagai suatu kerajaan baharu.
2. Mengeratkan hubungan sosial dengan perkahwinan dan melahirkan zuriat yang bijak pandai hasil daripada perkahwinan campur. Menurut Sarjit S. Gill (2001:190) perkahwinan campur akan membentuk generasi baru dengan sikap yang lebih terbuka terhadap perbezaan antara kaum serta dapat memahami dan menerima budaya lain dengan lebih mudah.
3. Memperkuatkan dan seterusnya mengukuhkan sistem pertahanan kerajaan. Hal ini dapat mengelakkan kerajaan Langkasuka sebagai kerajaan yang baharu menjadi kerajaan jajahan atau sasaran kepada kerajaan besar yang lain.
4. Merencanakan aktiviti ekonomi dan urusan niaga perdagangan dengan perkongsian harta dan dagangan.

Hasil kajian menunjukkan Raja Merong Mahawangsa merupakan seorang pemimpin yang bijaksana, terutamanya dalam menentukan hala tuju hubungan diplomatik kerajaan baginda demi kebahagiaan dan kesejahteraan generasi keturunan baginda pada masa akan datang. Menurut Jelani Harun (2003:157), raja harus bijaksana dalam mentadbirkan rakyat dan negerinya. Raja yang bijaksana dapat berfikir dengan waras, mampu mengawal hawa nafsu, mempunyai budi bicara yang baik, berhikmah dalam menyelesaikan sebarang masalah dan sebagainya. Selain itu juga, dalam naskhah *Nasihah al-Muluk* ada menyebutkan tentang pemimpin yang bijaksana. Contohnya:

Seyogianya bagi yang berkehendak akan memelihara adil atas segala rakyatnya itu bahawa ditertibkan akan segala hambanya dan pada segala yang bekerja padanya bagi adil itu. Dan peliharakan segala hal yang dikerjakan dan dilihat dalamnya seperti dilihat pada isi rumahnya, dan segala anaknya, dan segala tempatnya. Dan demikian itu bahawa jangan dikeraskan syahwatnya dan kusarnya atas akalannya itu. Dan jangan dijadikan akan akalannya dan agamanya itu akan tuannya syahwatnya dan kusarnya (*Nasihah al-Muluk*, MS Dc.6. 73-74:128).

Akhirnya, rancangan strategi diplomatik Raja Merong Mahawangsa menjadi kenyataan apabila utusan yang diutus oleh baginda berjaya menyampaikan maksud yang diinginkan oleh baginda. Kedua buah kerajaan tersebut bersetuju untuk menerima hubungan diplomatik yang diinginkan oleh Raja Merong Mahawangsa. Di bawah ini diperturunkan petikan yang menjurus kepada penerimaan hubungan diplomatik tersebut:

Petikan Pertama: Raja Kelinggi bersetuju untuk memenuhi permintaan Raja Merong Mahawangsa dengan memberikan sebiji tempayan besar:

Maka titah raja Kelinggi, "Baiklah, jika demikian, adalah sebiji tempayan yang besar daripada orang tua hamba. Itulah hamba berikan pada raja tuan hamba." Lalu disuruh oleh raja Kelinggi ambil tempayan itu (Siti Hawa Salleh 1998:31).

Petikan Kedua: Raja Kelinggi membalas surat Raja Merong Mahawangsa:

...Setelah sudah dimuat tempayan itu ke kapal, maka beberapa hari lamanya raja Kelinggi pun memberi surat balas kepada Raja Merong Mahawangsa itu, tanda berkasih-kasih. Maka titah raja Kelinggi kepada utusan itu, "Katakanlah kepada raja tuan hamba, hendaklah disuruh orang pergi datang ke negeri beta ini, jangan berputusan, biar sampai kepada anak cucu" (Siti Hawa Salleh 1998:32).

Sementara itu, misi ke Aceh juga mendapat maklum balas positif, apabila utusan yang dihantar oleh Raja Merong Mahawangsa membawa surat dan bingkisan balasan daripada raja Aceh. Buktinya:

Sebermula maka adapun utusan yang disuruh pergi ke negeri Aceh itu pun datanglah mengadap Raja Merong Mahawangsa membawa surat dan bingkisan hadiah daripada raja Aceh itu, serta mengunjukkan surat itu dipersembahkan kepada baginda dengan segala bingkisan itu. Maka disuruh oleh Raja Merong Mahawangsa membaca surat itu pada menteri keempat. Setelah sudah dibacanya dan didengar oleh baginda sekalian yang tersebut di dalam surat itu, serta melihat segala bingkisan-bingkisan itu dengan berbagai aneka jenisnya daripada perbendaharaan perhiasan yang indah-indah, maka terlalulah sukacitanya...(Siti Hawa Salleh 1998:33).

Implikasi yang diperoleh daripada strategi hubungan diplomatik secara serentak yang digunakan oleh Raja Merong Mahawangsa ini ialah kerajaan Langkasuka menjadi sebuah kerajaan yang terkenal. Semasa anakanda baginda, iaitu Raja Merong Mahapudisat mengambil alih pemerintahan dan pentadbiran, kerajaan Langkasuka yang ditukar namanya kepada kerajaan Kedah Zamin Turan (Siti Hawa Salleh 1998:34) menjadi perhatian ramai pihak luar, terutamanya para pedagang. Tumpuan tersebut berlaku disebabkan sikap kepemimpinan yang diwarisi oleh Raja Merong Mahapudisat di

samping wujudnya hubungan baik dengan kerajaan Aceh dan kerajaan Kelinggi. Para pedagang yakin dengan kestabilan ekonomi dan politik Kedah. Oleh itu, mereka tidak gusar memilih Kedah sebagai destinasi perniagaan mereka. Kesannya, aktiviti ekonomi dan urus niaga perniagaan berkembang maju dan rakyat Kedah dapat hidup aman dan damai. Menurut Wan Seng Ann (2006: 8), antara kesan urus niaga perdagangan dalam sesebuah negeri, akan dapat meningkatkan keterampilan komunikasi, interaksi dan hubungan interpersonal. Ternyata daripada aspek perdagangan sahaja telah berjaya mewujudkan pelbagai kesan positif kepada sesebuah kerajaan.

STRATEGI DUA DALAM SATU

Strategi diplomatik ‘dua dalam satu’ yang dimaksudkan di sini ialah menggunakan dua kaedah terhadap sesebuah kerajaan atau bangsa untuk mencapai satu matlamat. Dalam hal ini, kaedah yang akan dibincangkan ialah kaedah penganugerahan dan perkahwinan dengan tumpuan perbincangan terhadap naskhah *Tuhfat al-Nafis*. Pengarang *Tuhfat al-Nafis* acap kali menceritakan tentang penggunaan dua kaedah ini oleh raja Melayu dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan bangsa Bugis.

Kejayaan yang di kecapi oleh orang Bugis di Tanah Melayu dalam membantu raja Melayu mendapatkan takhta mereka telah menarik perhatian golongan pemerintah Melayu lain untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan orang Bugis. Antara kejayaan yang telah diraih oleh orang Bugis ialah dengan memberi bantuan kepada Sultan Muhammad Zainuddin, iaitu raja Matan bagi mendapatkan semula takhta baginda yang telah dirampas oleh adindanya bernama Pangeran Agung (Virginia Matheson Hooker 1998:61) selain membantu Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (Raja Sulaiman) menaiki takhta kerajaan Johor-Pahang-Riau serta berjaya mengalahkan angkatan perang Raja Kecil (Virginia Matheson Hooker 1998: 70) di samping berjaya mengembalikan semula takhta kerajaan kepada Raja Kedah yang sulung (Virginia Matheson Hooker 1998:84).

Dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis*, raja Melayu pertama yang menggunakan strategi dua dalam satu ini ialah raja Sambas yang bernama Raja Adil. Raja Adil merasakan bahawa keputusan baginda untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan orang Bugis merupakan tindakan yang tepat. Langkah pertama yang diambil oleh baginda untuk mendekati raja Bugis ialah dengan mengutus surat kepada Yang

Dipertuan Muda (Opu Kelana Jaya Putera) untuk menjemput opu-opu raja Bugis datang ke Sambas. Di dalam kandungan warkah raja Sambas itu, baginda secara terang-terangan menyatakan tujuan kiriman warkah itu dilakukan untuk mengahwinkan salah seorang opu-opu raja Bugis dengan saudara baginda yang bernama Raden Tengah. Contoh petikan di bawah menggambarkan keinginan raja Sambas untuk mengikat hubungan diplomatik sosial dengan orang Bugis:

...kerana raja Sambas bernama Sultan Adil berkirim surat kepada Yang Dipertuan Muda, serta saudaranya, menyilakan (opu-opu itu) ke (negeri Sambas). Adalah maksudnya itu hendak didudukkannya dengan saudaranya salah seorang daripada opu(-opu) yang lima beradik (itu). Syahadan adapun opu-opu ((yang lima beradik)) itu masing (-masing) sudah ada ketetapanannya ((halnya)), hanyalah Opu Dahing Kemasi sahaja yang belum tentu ketetapanannya (dan belum ada rumah tangganya). Maka itulah sebab Opu Dahing Menambun (dibawanya) juga (paduka adinda baginda itu balik sebelah timur) demikian-lah kisahnya (Virginia Matheson Hooker 1998:85).

Dengan adanya ikatan perkahwinan tersebut, hubungan antara kerajaan akan menjadi semakin erat. Tindakan Raja Adil menikahkan saudaranya dengan Opu Dahing Kemasi telah berjaya mengikat Bugis dengan kerajaan baginda. Justeru, pengaruh Bugis akan menular ke dalam pentadbiran kerajaan baginda dan semestinya hal tersebut sangat diinginkan oleh Raja Adil. Hal ini akan menyebabkan pemerintahan raja Sambas itu semakin kukuh di Nusantara dan kerajaan luar yang ingin mengganggu-gugat keamanan kerajaan Sambas akan membatalkan niat mereka kerana adanya hubungan kekeluargaan tersebut. Dalam hal ini, tidak keterlaluan dikatakan bahawa kerajaan Sambas cuba menumpang populariti orang Bugis dalam menaikkan imej baginda di mata kerajaan lain. Pendek kata, kerajaan yang mempunyai kaitan dengan bangsa Bugis, tidak akan berani ‘disentuh’ oleh mana-mana kerajaan. Begitulah kekuatan bangsa ini yang digambarkan oleh Raja Ahmad dan Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis*.

Bagi mengekalkan hubungan antara kedua-dua kerajaan ini, Raja Adil telah membenarkan campur tangan Bugis dalam pentadbiran baginda dengan melantik Opu Dahing Kemasi menjawat jawatan Pangeran Mangkubumi. Di sinilah, kaedah penganugerahan yang dimaksudkan berlaku. Buktinya:

Syahadan tiada berapa (lamanya) antara maka Sultan Sambas pun menikahkan Opu Dahing Kemasi dengan saudaranya yang bernama Raden Tengah, betapa adat istiadat raja besar-besar (ber)nikah kahwin demikianlah halnya. Kemudian ((maka)) Sultan Adil pun menggelar Opu Dahing Kemasi itu Pangeran

Mangkubumi, memerintahkan kerajaan (negeri) Sambas di bawah sultan itu, demikianlah halnya (adanya) (Virginia Matheson Hooker 1998:85).

Pangeran Mangkubumi ialah gelaran untuk seorang pangeran yang menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri (Mangkubumi). Di Tanah Melayu, tugas seorang Pangeran Mangkubumi bersamaan dengan tugas bendahara. Tanggungjawab bendahara lebih kurang sama dengan tanggungjawab Menteri Besar atau Perdana Menteri sekarang. Selain itu, bendahara juga berfungsi sebagai ‘penasihat utama’ kepada sultan dan menjadi pemangku sultan semasa sultan berada di luar negeri (Muhammad Yusoff Hashim 1992:173). Hal ini bermakna bahawa Opu Dahing Kemasi memegang jawatan tertinggi dan berhak membuat keputusan dalam menentukan hala tuju pentadbiran kerajaan Sambas. Di samping itu, hal ini turut membuktikan bahawa dengan ilmu politik yang dimiliki oleh Bugis dapat menarik perhatian kerajaan Sambas untuk melibatkan golongan ini dalam pentadbiran mereka.

Seterusnya, Raja Ali Haji juga turut menceritakan tentang sejarah awal hubungan antara Raja Sulaiman (raja Melayu) dengan opu-opu raja Bugis. Akibat daripada penghinaan yang diterima oleh Raja Sulaiman daripada saudaranya dan Raja Kecil, baginda bertekad untuk mengambil semula takhta kerajaan Johor dan Riau yang dikuasai oleh Raja Kecil yang berasal dari Siak dengan mendapatkan bantuan daripada opu-opu raja Bugis. Antara penghinaan yang diterima oleh Raja Sulaiman ialah :

...menghinakan dia, hingga mengata ((setengah daripada)) setengahnya Sultan Sulaiman itu tiada patut menjadi raja sebab maknya itu orang Kecil, iaitu orang Aceh Pedir namanya Nusamah, ditukar(kan) dengan tudung periuk emas satu. Dan (ada pula setengah daripada sanak saudaranya mengata Sultan Sulaiman itu tiada patut menjadi raja sebab maknya anak si pemicit, dan) banyak lagi perkataan yang lain-lain (yang macam-macam)...(Virginia Matheson Hooker 1998:128).

Berikutan latar belakang Raja Sulaiman itu, sanak saudaranya enggan membantu dan mengiktiraf baginda sebagai waris keturunan raja Johor yang layak. Lalu baginda pun mengambil keputusan untuk mengutus surat kepada opu-opu raja Bugis bagi menjayakan rancangan serta menutup ‘malu’ baginda. Menurut Noriah Taslim (2009: 17) opu-opu raja Bugis digambarkan sebagai pelayar yang handal, pahlawan yang gagah, mempunyai kelengkapan perang yang utuh (perahu yang tahan meriam, alat senjata terdiri daripada meriam, rentaka, terkul, senapang pemuras, dan mempunyai pakaian perang yang canggih seperti baju rantai), berani berperang, mempunyai strategi dan taktik perang yang sukar

diduga oleh musuh. Justeru, kehandalan mereka itulah yang menyebabkan mereka sentiasa dicari untuk membantu menyelesaikan kes perebutan kuasa.

Syahadan adapun Raja Sulaiman itu tiadalah senang hatinya sepertikan terbakar hatinya tiap-tiap hari. Maka tiadalah fikirannya yang lain lagi melainkan mengenang-ngehang(kan) opu-opu raja Bugis itu juga. (Maka) apabila tiada dapat lagi ditahan hatinya, maka bermusyawarahlah ia dengan Datuk Bendahara membuat surat kepada opu-opu yang lima beradik itu. Maka apabila selesai maka disuruh(kan)nya (kepada) satu biduandanya yang kepercayaan(nya), membawa surat itu (disuruhnya) cari di mana-mana ada ia / opu-opu itu di dalam negeri-negeri orang (Virginia Matheson Hooker 1998:67).

Permintaan Raja Sulaiman untuk menutup malu baginda dan mengembalikan semula takhta kerajaan kepada baginda telah dipersetujui oleh opu-opu raja Bugis (Virginia Matheson Hooker 1998:68). Opu-opu raja Bugis pun bermuafakat dengan segala saudaranya dan menyediakan kelengkapan perang untuk memerangi Raja Kecil. Dalam pertempuran itu, opu-opu raja Bugis telah berjaya mengalahkan angkatan tentera Raja Siak dan mendapatkan semula takhta kerajaan Johor. Dengan itu, Raja Sulaiman dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berjaya menjadi Raja Yang Dipertuan Besar dengan menguasai kerajaan Johor dan Riau, dan Pahang (Virginia Matheson Hooker 1998:79).

Selanjutnya, demi membalas jasa yang telah dilakukan oleh opu-opu raja Bugis dan seterusnya mengekalkan hubungan diplomatik tersebut, Raja Sulaiman bercadang untuk menganugerahkan pangkat kepada salah seorang opu-opu raja Bugis itu. Pangkat yang ingin dianugerahkan kepada opu-opu raja Bugis itu ialah pangkat Yang Dipertuan Muda kerajaan Johor dan Riau, dan Pahang. Jawatan Yang Dipertuan Muda merupakan jawatan kedua tertinggi selepas Yang Dipertuan Besar dalam kerajaan Johor dan ditugaskan untuk membantu melancarkan pentadbiran Raja Sulaiman. Perkara ini merupakan fasa awal keterlibatan orang Bugis dalam pentadbiran kerajaan Johor.

...maka muafakatlulah pula Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dengan Datuk Bendahara (yang bernama Tun Abbas yang menjadi Bendahara Seri Maharaja) itu, akan membalas jasa opu-opu raja Bugis itu. Maka (me)minta(lah) Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah akan (segala) opu-opu itu, “Janganlah balik ke Bugis dahulu (di)mintanyalah salah seorang daripada opu-opu /itu/ yang lima beradik itu menjadi Yang Dipertuan Muda, memerintahkan kerajaan Riau dan Johor dan Pahang dengan segala takluk daerahnya” (Virginia Matheson Hooker 1998:79).

Pada peringkat permulaan, opu-opu raja Bugis menolak anugerah ‘pangkat’ tersebut dengan alasan mereka tidak ingin berpisah (Virginia Matheson

Hooker 1998: 79-80). Dalam hal ini, faktor utama terhadap isu penolakan tersebut adalah untuk mengelakkan wujudnya ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat Melayu pada masa akan datang. Namun disebabkan rasa hormat kepada Raja Sulaiman, akhirnya mereka bersetuju. Maka, Opu Kelana Jaya Putera pun dilantik menjawat jawatan Yang Dipertuan Muda kerajaan Johor dan Riau, dan Pahang.

Maka kelakuan melantik itu betapa adat istiadat melantik Yang Dipertuan Muda, ((iaitu)) dipakaikan (dengan) pakaian kerajaan, diarak (ber) keliling negeri. Kemudian baharulah dibawa naik ke atas balai (Virginia Matheson Hooker 1998:81).

Selain memberikan anugerah ‘pangkat dan jagaan jajahan’ kepada opu-opu raja Bugis, Raja Sulaiman juga telah mengahwinkan saudaranya dengan opu-opu tersebut. Perkara ini dilakukan oleh Raja Sulaiman adalah untuk mewujudkan hubungan kekeluargaan dengan opu-opu raja Bugis selain mengelakkan fitnah dalam kalangan masyarakat Melayu yang akan berpandangan serong, iaitu dengan menyatakan bahawa Raja Sulaiman melantik ‘orang luar’ yang tidak mempunyai sebarang hubungan keluarga dengan baginda untuk mentadbir kerajaan. Gambar rajah di bawah ini menunjukkan nama saudara Raja Sulaiman yang telah dikahwinkan dengan opu-opu raja Bugis:

1. Opu Kelana Jaya Putera	⇒	Tun Encik Ayu (Balu Marhum Mangkat Dijulang (Sultan Mahmud ke II))
2. Opu Dahing Cellak	⇒	Tengku Mandak (adinda)
3. Dahing Menampuk	⇒	Tun Tipah (bonda saudara)
4. Dahing Massuro	⇒	Tun Kecil (sepupu)
5. Dahing Mangngatuk	⇒	Tun Inah (sepupu)

RAJAH 3. Senarai nama opu-opu raja Bugis berkahwin dengan kerabat diraja Johor

Tindakan yang diambil oleh Raja Sulaiman dengan mengahwinkan saudaranya adalah bersandarkan kepada keteguhan prinsip dan semangat bersatu padu dalam kalangan masyarakat Bugis. Bangsa Bugis sentiasa bekerjasama menentang musuh walau di mana mereka berada. Bak kata pepatah ‘bersatu teguh bercerai roboh’. Pepatah tersebut menjadi amalan atau jati diri kepada bangsa tersebut. Sebagai contoh, semasa opu-opu raja Bugis berperang dengan kerajaan Siak, pedagang Bugis di Selangor dan Langat (Virginia Matheson Hooker 1998:71) serta peniaga Bugis di Siak juga turut sama membantu memerangi Raja Kecil (Virginia Matheson Hooker 1998:78).

Selain itu juga, bangsa Bugis tidak akan memerangi bangsa sendiri demi kepentingan orang lain. Buktinya, dalam peristiwa Pangeran Agung ingin menentang Bugis kerana telah membantu Sultan Muhammad Zainuddin mendapatkan semula takhta kerajaan Matan. Pangeran Agung mempunyai dua orang menantu anak raja Bugis yang bernama Dahing Matekkuh dan seorang lagi bernama Haji Hafiz. Pangeran Agung memerintahkan agar menantu Bugisnya itu melawan opu-opu raja Bugis itu. Namun kedua-duanya enggan. Dalam peristiwa tersebut, Pangeran Agung telah berjaya ditangkap dan dipenjarakan oleh opu-opu Bugis. Keteguhan prinsip dan semangat bersatu padu bangsa Bugis dapat dilihat melalui contoh petikan di bawah:

Maka Haji Hafiz /itu/ pun memberi nasihat kepada Dahing Matekkuh, “Jangan melawan opu-opu itu kerana ia anak raja besar bangsa kita Bugis.” Maka menurutlah Dahing Matekkuh itu akan nasihat Haji Hafiz itu. Maka lalu diambilnya sebuah perahu opu-opu itu dibawanya belayar keluar dari Matan itu pergi kebarat sebelah Siak, serta satu meriam tembaga namanya si Kedah. Syahadan apabila Dahing Matekkuh itu sudah berlayar //itu// maka opu-opu //yang lima beradik// itu pun masuklah ke perdalaman Pangeran Agung itu lalu ditangkapnya Pangeran Agung itu, dibawanya (ke//Sungai// Kandang Kerbau dipersembhkannya kepada //saudaranya// Sultan Muhammad Zainuddin (itu) (Virginia Matheson Hooker 1998:63).

Justeru, Raja Sulaiman merasakan bahawa baginda akan sentiasa berada di ‘zon selamat’ apabila menjalinkan hubungan sosiopolitik dengan opu-opu raja Bugis itu. Hal ini kerana bangsa Bugis lain akan taat setia kepada waris keturunan raja bangsa mereka dan tidak akan berani melakukan sebarang honar apabila mengetahui bahawa raja Melayu mempunyai ikatan diplomatik dengan anak raja Bugis mereka. Selain itu juga, Raja Sulaiman dengan bantuan opu-opu raja Bugis berkenaan akan dapat membantu baginda menjaga kedaulatan kerajaan seterusnya dapat menaikkan imej dan pengaruh baginda di Kepulauan Melayu.

STRATEGI MUSLIHAT KEAMANAN

Strategi muslihat keamanan ialah strategi yang digunakan oleh sesebuah kerajaan untuk mengelakkan pelbagai ancaman seperti peperangan. Strategi ini merupakan satu langkah untuk mengubah tindakan, keputusan ataupun persepsi sesebuah kerajaan yang berniat untuk melakukan ancaman kepada hubungan baik-baik ataupun menjalinkan hubungan diplomatik. Muslihat bermaksud daya upaya atau ikhtiar seseorang untuk melepaskan diri manakala, keamanan ialah keadaan yang

aman, kesentosaan, ketenangan, ketenteraman. Sementara itu, menurut Muhammad Imarah (1999:14) keamanan merupakan ketenangan diri dan antonim daripada ketakutan dan kegelisahan. Hal ini bermakna, suatu daya upaya yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan untuk mentransformasikan perkara yang negatif kepada perkara yang lebih bersifat positif. Justeru, perkara negatif seperti peperangan sekiranya dapat dielakkan akan dapat membina keyakinan sesebuah kerajaan untuk terus maju ke depan. Tindakan mengelakkan peperangan ataupun ancaman lain merupakan suatu tindakan yang menuju ke arah penyelesaian konflik (Mohamad Faisal Keling dan Mohammad Fuad Othman 2006: 111). Dalam hal ini, perbincangan akan tertumpu kepada naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* untuk melihat aplikasi strategi muslihat keamanan ini dilaksanakan oleh raja dan pembesar Melayu yang akhirnya membawa kepada kesepakatan diplomatik.

Pengarang naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* menceritakan tentang kisah perhubungan kerajaan Kedah dengan kerajaan Aceh sebelum kedua kerajaan ini menjalinkan hubungan diplomatik. Kerajaan Aceh berhasrat untuk menyerang dan menjadikan Kedah sebagai tanah jajahan untuk meluaskan pengaruh dan kuasanya di Semenanjung Tanah Melayu. Pada ketika itu, perhatian utama orang Aceh ialah ingin menjadi seperti Turki yang terkenal sebagai kuasa besar (Victor A. Pogadaev 2010: 183). Berita tentang niat sultan Aceh yang bernama Sultan Iskandar Mahkota Alam telah disampaikan oleh Nakhoda Lamun, iaitu seorang pedagang daripada negeri Inderagiri yang menjalankan perniagaannya di negeri Kedah kepada Raja Menehara. Sultan Iskandar Mahkota Alam merupakan sultan Aceh yang teragung dan terkenal, baik di timur mahupun di barat (Ahmad Jelani Halimi 2008:292).

Tanpa berlengah masa, Raja Menehara menghabarkan berita tersebut kepada sultan Kedah tentang hal ehwal kerajaan Aceh yang ingin menyerang Kedah agar kerajaan Kedah mengambil tindakan susulan untuk menghadapi ancaman tersebut.

Maka sahut Raja Menehara, “Nenda dapat khabar daripada Nakhoda Lamun bahawa Raja Aceh yang bernama Sultan Iskandar Mahkota Alam sudah bersiap angkatan peperangan hendak melanggar negeri Kedah ini. Barangkali tiada berapa lama lagi sampai-lah angkatan-nya itu ka-sini” (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:55).

Dalam hal ini, terdapat dua cara yang dicadangkan untuk menangani masalah tersebut.

Cadangan pertama, iaitu Sultan Sulaiman Shah (sultan Kedah) tidak akan mengaku kalah dan bersiap sedia menghadapi serangan tersebut. Bermakna keadaan ini akan membenarkan peperangan berlaku. Sementara cadangan kedua pula dikemukakan oleh Dato’ Seraja Imam yang mencadangkan agar kerajaan Kedah merujuk kepada ‘seratus satu isyarat’ perang. Antara kandungan ‘seratus satu isyarat’ ini ialah:

“Yang satu itu ia-lah berperang dengan tiada takut akan hilang nyawa-nya. Yang sa-ratus itu ia-lah dengan kira bichara dan ikhtiar. Sa-kira-nya tiada juga binasa seteru itu maka sampailah kepada yang satu isyarat ia-itu berperang hingga terbuang nyawa (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:56).

Selain cadangan tersebut, Dato’ Seraja Imam juga menasihatkan Sultan Sulaiman untuk mengatasi masalah tersebut dengan cara berdiplomasi.

Ampun tuanku, jikalau boleh lagi kita ikhtiarkan dengan jalan yang lain sa-lain daripada berperang itu terlebih baik-lah daripada kita berperang kerana tiada terlebih jahat patek2 sakalian membawa Shah Alam kepada pekerjaan perang, kerana banyak lagi yang dapat di-lakukan sa-lain daripada pekerjaan perang itu, ia-itu seperti dengan ikhtiar atau dengan harta. Jika tiada dapat di-tolakkan dengan ikhtiar yang demikian itu, tatkala itu berperang-lah kita. Apakala terjadi peperangan tiada dapat lagi di-biharakan dengan harta melainkan dengan nyawa juga (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:56).

Menurut Jelani Harun (2003:14), isyarat (adab) ‘seratus satu isyarat’ yang dikemukakan oleh Dato’ Seraja Imam ialah usaha dan ikhtiar beliau untuk menghindarkan berlakunya peperangan. Dato’ Seraja Imam memohon agar Sultan Sulaiman tidak melibatkan kerajaan Kedah dan diri baginda ke kancah peperangan. Setiap peperangan yang berlaku pasti mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada sesebuah kerajaan. Antaranya, kemusnahan harta benda dan mengorbankan nyawa rakyat yang tidak berdosa. Selain itu, untuk tidak mewujudkan kesamaran dalam mencari penyelesaian kepada masalah tersebut, Dato’ Seraja Imam telah memberikan cadangan kepada Sultan Sulaiman. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh Dato’ Seraja Imam inilah yang dikenali sebagai strategi muslihat keamanan. Antara langkah yang digunakan untuk menjayakan strategi muslihat keamanan tersebut ialah:

1. Menyambut kedatangan Sultan Iskandar Mahkota Alam dengan penuh adat istiadat dan kebesaran seperti mana menyambut kedatangan raja-raja dari kerajaan sahabat.
2. Menyediakan sebuah istana yang lengkap dengan perhiasan untuk penginapan sultan Aceh dan angkatan tenteranya.

Cadangan bernas Dato' Seraja Imam ini dapat dilihat menerusi contoh petikan di bawah ini:

Maka sembah Dato' Seraja Imam, "Pada pendapat patek hamba ini, baik-lah kita chuba sambut kedatangan angkatan musuh itu dengan chukup isharat kehormatan seperti menyambut angkatan kedatangan raja yang besar² yang menziarah negeri ini, dan kita siapkan suatu istana chukup dengan perhiasan, dan kita hiaskan kenaikan bagi menyambut-nya di-laut dan kenaikan pada pehak darat (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:57).

Strategi muslihat keamanan yang disebutkan oleh Dato' Seraja Imam ini diperkenankan oleh Sultan Sulaiman dan seterusnya memerintahkan menteri baginda yang lain untuk membuat persiapan dengan segera. Dalam hal ini, terdapat dua perkara penting yang ingin ditekankan. Pertama, kebijaksanaan pembesar, iaitu kebijaksanaan Dato' Seraja Imam menggambarkan suatu bentuk akal kebijaksanaan pembesar Kedah yang dirakam oleh pengarang *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Jelani Harun (2003: 15) berpendapat bahawa nasihat yang diberikan oleh Dato' Seraja Imam untuk mengelakkan peperangan dengan Aceh merupakan satu tindakan yang bijak memandangkan Aceh ketika itu merupakan salah sebuah kuasa besar di alam Melayu. Sementara perkara kedua ialah saluran diplomatik terbuka. Saluran diplomatik terbuka yang tercipta daripada strategi muslihat keamanan ini membawa kepada sikap keterbukaan Kedah untuk menjalinkan hubungan baik kepada musuh dengan merancang kaedah yang bersesuaian dalam menarik dan mengubah persepsi negatif musuh kepada persepsi positif. Menurut Hassan Ahmad (2006:340), lebih baik bertindak mencegah kemungkinan daripada menunggu sampai sempat menjadi 'musuh' yang kuat.

Strategi yang dirancang oleh raja dan menteri kerajaan Kedah tersebut berhasil apabila Sultan Iskandar Mahkota Alam memberikan reaksi positif. Baginda terharu sehingga sanggup membatalkan niat baginda untuk menyerang dan menerima pelawaan kerajaan Kedah untuk menyambut baginda masuk ke dalam istana Sultan Sulaiman. Petikan di bawah ini memperlihatkan cara pelaksanaan kerajaan Kedah dalam menyambut tetamu diraja itu:

Cara pelaksanaan 1: Menyambut tetamu

Maka Tengku Rijaluddin dengan menteri²-nya pun naik dudok menyembah. Sa-telah dudok berkata² sa-ketika maka dipersembahkan surat paduka ayahanda baginda itu serta di-ma'alumkan dengan perkataan yang elok susun-nya dan halus manis, mempersilakan Sultan Iskandar Mahkota Alam masuk ka-negeri (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:62).

Cara pelaksanaan 2: Menghadap Sultan Kedah

Maka pada ketika itu Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dengan sekalian hulubalang pahlawan memberi hormat, lalu di-main nobat nafiri terlalu gemuruh bunyi-nya. Lalu dipersilakan masuk oleh Tengku Paduka Maharaja Temenggong akan Sultan Iskandar Mahkota Alam dan sakalian pengiring-nya, langsung mereka itu ka-hadapan balai dan di-sambut oleh Dato; Seri Maharaja Putra Dewa lalu naik ka-balai. Pada ketika itu Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia ada hadir menanti di-balai penghadapan, lalu hormat berhormatlah kedua² Sultan itu, lalu dudok di atas singgahsana di-hadap oleh paduka anakanda baginda Tengku Rijaluddin dan segala menteri² (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:62).

Sementara itu, petikan di bawah ini memperlihatkan beberapa reaksi Sultan Iskandar Mahkota Alam terhadap kerajaan Kedah selepas acara sambutan tetamu diraja dilakukan:

Reaksi pertama:

Pada ketika itu layu-lah hati Sultan Iskandar hendak meneruskan maksud-nya (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:62).

Reaksi kedua:

Maka Sultan Iskandar dengan segala hulubalang-nya sangat hairan serta malu yang amat sangat melihat menteri² hulubalang pahlawan yang tertib lendit peratoran mereka di-balai penghadapan itu (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:63).

Reaksi ketiga:

Pada ketika itu luput-lah maksud di-hati Sultan Iskandar Mahkota Alam hendak mengambil negeri Kedah, serta Sultan Iskandar pun beroleh hati-nya kapada berkaseh²an dengan Sultan Sulaiman Shah seperti saudara-nya sendiri (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:63).

Kesan daripada inisiatif bersama para menteri dan sultan Kedah, akhirnya kerajaan Kedah berjaya membolak-balikkan hajat kerajaan Aceh. Pendekatan yang diambil oleh Kedah dalam strategi muslihat keamanan ini dalam mengelakkan berlakunya peperangan dan membentuk suatu hubungan diplomatik baru dengan kerajaan berpengaruh merupakan perkara yang patut dicontohi oleh mana-mana kerajaan Melayu lain.

Hubungan tersebut semakin bertambah erat, apabila sultan Kedah menerima pelawaan Sultan Aceh untuk mengikuti sahabat diplomatiknya itu kembali ke tanah air. Tujuan Sultan Sulaiman tersebut adalah untuk mendekati Sultan Iskandar Mahkota Alam secara peribadi dan seterusnya merapatkan hubungan antara dua kerajaan di samping mengenal pasti keperluan hubungan diplomatik sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial dalam menentukan masa depan kerajaan Kedah sebagai kerajaan baru di Utara Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu.

Maka kata Sultan Iskandar, “Kakanda ingat dalam lima enam hari lagi hendak berangkat balek ka-Aceh. Kakanda sangat2 berharap dan berbesar hati kalau adinda dapat bersama2 kakanda pergi bermain2 di-negeri Aceh barang sa-bulan dua.” Maka di-bukakan Allah Subhanahu wa-Ta’ala hati Sultan Sulaiman Shah dan baginda suka hendak pergi melihat negeri Aceh dan lain2 negeri itu. Maka pada ketika itu di-kabulkan maksud Sultan Iskandar itu. Maka Sultan Iskandar Shah pun sangat suka hati-nya (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:65).

Akhirnya, strategi muslihat keamanan yang dirancang oleh kerajaan Kedah tercapai hasil daripada sikap kerjasama dan kebijaksanaan raja dan pembesar Melayu Kedah yang membawa kerajaan ‘musuh’ bersikap toleransi. Ancaman seperti peperangan dapat diatasi sekiranya kedua-dua pihak mencintai keamanan atau pendamaian dan berfokuskan kepada matlamat diplomatik. Pendamaian, menurut Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar (2003:36) ialah suatu kaedah yang sering digunakan dalam konflik diplomatik dan antarabangsa.

STRATEGI KERJASAMA MEMBANTERAS MUSUH

Kesungguhan kerajaan Melayu dalam mengukuhkan hubungan diplomatik dapat dilihat apabila Melaka dan Kedah membantu Siam menentang musuh yang mengancam ketenteraman kerajaan berkenaan. Melaka dan Kedah tidak ingin hubungan diplomatik yang sedia terjalin sebelum ini hanya dilihat sebagai ‘hubungan diplomatik khayalan’ semata. Oleh itu, sebagai kerajaan sahabat, kedua-dua kerajaan tersebut sentiasa bersedia untuk berjuang bersama-sama menentang musuh kerajaan Siam apatah lagi musuh tersebut merupakan musuh yang berada dalam kerajaan. Rakyat kerajaan Melaka dalam *Sulalat al-Salatin* dan kerajaan Kedah dalam naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* sanggup berkorban nyawa demi menyelamatkan kedaulatan kerajaan Siam daripada dicemari oleh pihak lain. Sikap sedemikian merupakan cerminan kepada pekerti Melayu yang tidak suka kepada penderhakaan dan sikap tidak taat setia kepada pemerintah. Menurut Shaharom Husain (1996: 171), *orang Melayu* terkenal dengan sikap *taat setia* dan berjuang untuk mempertahankan pemerintah, agama, dan tanah air, dan hal itu ialah jihad dan syahid bagi mereka. Orang Melayu berpendapat bahawa rakyat yang menderhaka perlu dihapuskan segera agar pengaruh perbuatan tersebut tidak menular ke seluruh negeri. Justeru, Melaka dan Kedah ‘mengangkat’ bahawa musuh Siam ialah

musuh mereka juga. Dalam hal ini, perkara yang menarik perhatian ialah kedua-dua buah kerajaan Melayu tersebut bergandingan bahu dengan kerajaan yang sama, iaitu Siam tetapi menentang musuh yang berlainan.

Petikan di bawah ini menceritakan tentang peristiwa kerajaan Melaka dan kerajaan Kedah bekerjasama dengan kerajaan Siam dalam menentang musuh kerajaan berkenaan:

Selang berapa hari, maka Paduka Bubunnya pun pergi menyerang sebuah negeri, hampir negeri Siam juga. Maka Tun Telanai dan Tun Jana Putera pun pergi dengan segala orangnya, ...Dengan takdir Allah Taala, negeri itupun alahlah; orang Melakalah yang pertama menempuh dahulu. Setelah negeri itu sudah alah, maka Paduka Bubunnya pun memberi anugerah akan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dengan segala orang Melaka (A.Samad Ahmad 2010:110).

Hatta, maka sampai-lah surat tera daripada Raja Maha Besar Benua Siam meminta tolong kerajaan Kedah membantunya melawan orang2 China di dalam Tongka yang sudah membuat derhaka kapada-nya itu. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh (1290) bulan Jamadi’l-akhir bersamaan bulan Ogos tahun Masehi 1873 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menghantar Wan Muhammad Taib bin Wan Musa, Dato’ Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, serta penghulu2 dan ra’ayat2 pergi ka-Tongka. Angkatan yang kedua yang di-hantarkan oleh kerajaan Kedah terdiri dari duli Tengku Ya’akob, Raja Muda, serta dengan penghulu dan panglima2 dan ra’ayat sakalian. Sa-telah tiada berapa bulan mereka itu di-Tongka maka selesai-lah segala pergadohan yang tersebut itu. Maka duli Tengku Ya’akob dengan sakalian yang tersebut itu pun berangkat balek ke Kedah (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:225).

Implikasi strategi ini akan dapat meningkatkan mekanisme kerjasama antara kerajaan tersebut dalam menjamin keamanan, kemakmuran, dan keselamatan kerajaan masing-masing. Kedua buah kerajaan yang terlibat akan sentiasa menyokong antara satu sama lain dalam menangani masalah dalaman dan luaran kerajaan seterusnya hal ini akan dapat menyeimbangkan kestabilan keselamatan antara kerajaan Melaka, Kedah mahupun Siam. Pendekatan corak diplomatik yang diambil oleh kerajaan Melayu ini akan mengeratkan lagi hubungan sedia ada di samping memperkembangkan kerjasama daripada satu aspek kepada aspek yang lain. Misalnya, daripada hubungan sosial berkembang kepada hubungan politik.

STRATEGI MEMPERTAUTKAN SEMULA HUBUNGAN DIPLOMATIK

Strategi mempertautkan semula hubungan diplomatik merupakan usaha yang dilakukan oleh orang Melayu untuk mengembalikan semula

hubungan 'mesra' yang pernah terjalin sebelum ini dengan kerajaan yang terlibat. Pertautan semula ikatan tersebut disebabkan terjadinya perselisihan faham atau konflik. K.J Holsti (1983) mendefinisikan konflik sebagai membawa kepada perancangan keganasan yang dilakukan oleh sesebuah pihak atau sekumpulan pihak disebabkan sesuatu isu, permusuhan, sikap, jenis diplomatik, dan gerakan ketenteraan. Apabila konflik tersebut dapat diselesaikan dengan mendapat persetujuan bersama antara dua pihak, maka tidak mustahil hubungan diplomatik yang terjalin sebelum ini akan dapat bertaut semula. Dalam hal ini, perbincangan akan berfokus kepada peristiwa hubungan antara kerajaan Kedah dengan kerajaan Ligor dalam naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.

Kejayaan penaklukan kerajaan Ligor ke atas kerajaan Kedah berpunca daripada pengkhianatan Tengku Ya'akob atau Tengku Ambon yang telah membocorkan rahsia pertahanan Kedah kepada Ligor. Tengku Ya'akob merupakan anak kepada Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:144). Disebabkan permintaannya tidak dipenuhi untuk memerintah Kayang dan Setol (wilayah Siam) bagi menggantikan tempat ayahandanya, maka Tengku Ya'akob telah berdendam dengan Sultan Kedah. Lalu beliau bermuafakat dengan pengikutnya untuk bersekongkol dengan raja Ligor bagi menjatuhkan kerajaan Kedah.

Maka tiga kali Tengku Ya'akob, Raja Muda, masuk menghadap duli baginda bermohon supaya permintaannya itu di-luluskan, akan tetapi tiada juga di-luluskan baginda. Oleh kerana hal yang demikian duli Tengku Ya'akob, Raja Muda, pun bermuafakat dengan orang2-nya berangkat pergi menghadap Raja Ligor yang bernama Chao Phya Nongkon Sri Tamrat di dalam negeri Ligor serta memberitahu kepada Raja Ligor beberapa jalan yang senang jika hendak mengambil negeri Kedah itu. Maka dudok-lah Tengku Ya'akob, Raja Muda di-negeri Ligor (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:144-145).

Lanjutan daripada peristiwa kejatuhan Kedah ke tangan Ligor, banyak usaha yang telah dilakukan oleh orang Kedah untuk mendapatkan semula kerajaan Kedah, namun pekerjaan tersebut sia-sia. Semakin hari, semakin ramai rakyat Kedah yang terkorban nyawa. Apabila melihat perkembangan situasi tersebut, Tengku Anom berpendapat bahawa perkara tersebut perlu dihentikan dan baginda perlu mencari idea untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tengku Anom ialah anak kepada Tengku Abdul Rahman (raja Limbong) dan Tengku Rahmah (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:122) dan pernah ditugaskan menjadi ketua dalam penghantaran bunga emas dan bunga perak ke Ligor.

Sa-bermula maka tersebut-lah Tengku Anom Paduka Raja Jambangan. Ia sedar bahawa maksud orang2 Kedah hendak mengambil balek negeri Kedah dengan jalan berperang dan dengan menghantar langgaran2 besar dan kechil tiada akan memberi apa2 kesan kerana orang2 Kedah sudah berpecah belah. Oleh kerana hal yang demikian itu bermuafakat-lah ia dengan sa-pupu-nya Tengku Seraja Wang dan anakanda Tuan Syed Hussin chuchu kepada Tengku Dhia-uddin Raja Muda Kayang, hendak pergi ka-negeri Ligor (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:152).

Tujuan utama pemergian Tengku Anom ke Ligor adalah untuk mendapatkan semula kerajaan Kedah dan untuk menyelamatkan orang Kedah yang menjadi tawanan kerajaan Siam di Ligor. Tengku Anom ingin mendapatkan semula kerajaan Kedah bukanlah untuk mengukuhkan pengaruhnya di Kedah namun beliau percaya bahawa sebuah kerajaan ialah simbol kepada kedaulatan raja dan mencerminkan imej sesuatu bangsa. Kerajaan diibaratkan seperti rumah. Tanpa rumah, seseorang itu akan hidup bergelandangan dan akan dipandang hina. Maruahnya akan tercemar dan keyakinan diri hilang begitu sahaja. Sebuah kerajaan bukan sahaja membawa imej sultan malahan bangsa dan juga agama. Oleh demikian, ia perlu dipertahankan walau berkorban nyawa sekalipun. Tengku Anom dapat melihat kepentingan pengukuhan semula hubungan diplomatik antara kedua kerajaan tersebut akan dapat membantu menyekat perluasan kuasa asing di Utara Semenanjung Tanah Melayu dan seterusnya dapat menyelesaikan gangguan yang cuba ditimbulkan daripada kerajaan berdekatan. Oleh demikian, untuk menjayakan rancangan tersebut, Tengku Anom dan rakannya telah mengatur strategi dengan teliti agar segala apa yang dirancangan dapat berjalan dengan lancar.

Sehubungan itu, strategi pertama yang dirancang oleh Tengku Anom dalam mengembalikan hubungan diplomatik antara Kedah dan Ligor ialah memohon kebenaran surat untuk menghadap Chao Phya Nongkon Sri Tamrat (Raja Ligor). Terlebih dahulu Tengku Anom telah berjumpa dengan anak raja Ligor, Phya Sina Nunchit yang memerintah kerajaan Kedah pada ketika itu bagi mendapatkan surat keizinan menghadap raja Ligor. Bagi mewujudkan keyakinan Phya Sina Nunchit kepadanya, Tengku Anom mengatakan bahawa beliau ingin menjadi hamba dan menetap di Ligor disebabkan tidak ingin namanya tercalar di mata raja Ligor serta menegaskan bahawa beliau tidak terlibat dalam konflik peperangan yang berlaku di Kedah. Akhirnya, Phya Sina Nunchit pun menulis surat kepada ayahandanya dengan pelbagai kata puji-pujian dan menyatakan 'ketidakterlibatan' Tengku

Anom dalam kekacauan yang berlaku di Kedah. Lihat contoh petikan di bawah:

Maka Tengku Anom pun minta suatu surat dari Phya Sina Nunchit bagi membenarkan ia masuk menghadap Chao Phya raja Ligor. Maka Phya Sina Nunchit pun sangat suka hati-nya mendengar Tengku Anom memuji2 bapa-nya dan memuji2-nya itu. Maka di dalam surat ia memuji2 Tengku Anom dengan mengatakan Tengku Anom ada-lah sa-orang yang baik dan tidak masuk champor di dalam peperangan bersama orang2 Kedah dan lain2nya (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:152-153).

Kesan daripada strategi pertama di atas, Tengku Anom telah diterima baik oleh Chao Phya Nongkon Sri Tamrat. Tengku Anom dibenarkan tinggal di Ligor dan diberikan tempat tinggal yang selesa. Setelah itu, Tengku Anom dengan bantuan rakannya pun melaksanakan strategi keduanya dalam memulihkan semula hubungan diplomatik kedua kerajaan. Strategi kedua tersebut ialah usaha merapatkan diri dengan raja Ligor.

Dalam menjayakan strategi kedua ini, setiap hari Tengku Anom akan menghadap raja Ligor dan melakukan perkara kebaikan dalam memikat hati raja Chao Phya Nongkon Sri Tamrat. Hasilnya, Chao Phya Nongkon Sri Tamrat terkesan dengan kebaikan yang ditunjukkan oleh Tengku Anom lalu melantik Tengku Anom menjadi ketua kepada orang Kedah yang telah ditawan oleh orang Siam semasa peperangan antara kedua kerajaan berlaku (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:153). Dalam hal ini, telah wujud unsur kepercayaan dan keyakinan kepemimpinan oleh raja Ligor terhadap Tengku Anom. Selain itu juga, hal ini bermakna, tujuan kedua Tengku Anom datang ke Ligor, iaitu "memeliharakan orang-orang2 Kedah yang di-bawa pergi ka-Ligor oleh orang2 Siam" tercapai tanpa melibatkan unsur kekerasan. Sementara itu, unsur kerelaan hati raja Ligor memberikan semula orang Kedah itu telah meyakinkan Tengku Anom bahawa strategi yang dirancangan berada di landasan yang betul. Oleh itu, tanpa berlengah, Tengku Anom meneruskan strategi ketiganya, iaitu mengadakan perkahwinan kerabat diraja Kedah di Ligor.

Setelah berjaya merapatkan diri dengan raja Ligor, Tengku Anom telah memohon kepada raja Ligor untuk mengahwinkan Tengku Aishah, iaitu anak kepada Tengku Long Puteh dan Tengku Jam-Jam (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:148) yang berada di Ligor dengan Tuan Syed Hussin serta memohon perkahwinan tersebut diadakan di balai penghadapan raja Ligor dengan mengikut adat istiadat perkahwinan Melayu Kedah. Permohonan Tengku Anom tersebut diperkenankan oleh raja Ligor. Tujuan Tengku Anom berbuat demikian

adalah untuk menunjukkan kepada raja Ligor tentang adat budaya orang Kedah khususnya dalam aspek adat-istiadat perkahwinan Melayu yang kaya dengan protokol dan penuh dengan kesopanan. Justeru, hal tersebut akan mendekatkan jiwa Melayu Kedah dengan jiwa orang Ligor. Menurut Hassan Ahmad (2006:19), budaya lahir dari pemikiran manusia, daripada imaginasi kreatif manusia, dari pengalaman bersama anggota itu berinteraksi dengan alam sekelilingnya dan daripada pengalaman itu, manusia membentuk pandangan hidupnya, mencipta nilainya, falsafah hidupnya tentang pelbagai prinsip.

Segala strategi yang dirancangan untuk memulihkan hubungan diplomatik antara Kedah dan Ligor mendatangkan hasil apabila Chao Phya raja Ligor dengan rela hati menyerahkan semula kerajaan Kedah yang ditakluki kepada Tengku Anom dan bersetuju untuk memulihkan hubungan diplomatik antara dua buah kerajaan dengan bersyarat. Syarat yang diberikan oleh Chao Phya Nongkon Sri Tamrat ialah Kedah perlu menghantar bunga emas dan bunga perak tiga tahun sekali ke Ligor. Tengku Anom bersetuju untuk memenuhi syarat tersebut.

Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah Chao Phya raja Ligor kepada Tengku Anom, "Pada hari ini Tengku Raja Jambangan terima balek-lah negeri Kedah serta sakalian ta'alok-nya, dan tiada lagi termasuk di-bawah perintah Siam, melainkan Tengku Anom mahu-lah hantarkan bunga emas, bunga perak tiap2 tiga tahun sekali mengikut adat lama seperti yang telah di-adatkan oleh Raja2 yang terdahulu sa-bagai tanda kaseh berkasehan dan bersetia" (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:159).

Sehubungan dengan itu, terdapat dua faktor penarik yang menyebabkan Ligor menyerahkan semula Kedah kepada Tengku Anom dan seterusnya menjalinkan semula ikatan diplomatik. Faktor pertama ialah kepemimpinan dan tingkah laku yang beretika. Menurut Aronson (2001:244); Kanungo (2001:257); Trevino, Brown dan Hartman (2003:5) dalam sesebuah organisasi, sikap, dan tingkah laku pemimpin memberi impak kepada perlakuan anggota organisasi dan seterusnya ini akan mempengaruhi prestasi organisasi. Organisasi di sini diibaratkan seperti sebuah kerajaan. Oleh kerana etika dan ciri kepemimpinan yang ditunjukkan oleh Tengku Anom, ia telah membantu mempengaruhi pendirian raja Ligor dan merasakan prestasi Tengku Anom sebagai pengganti pemerintah Kedah di tahap maksimum. Tanpa rasa ragu-ragu, raja Ligor pun menyerahkan semula pemerintahan Kedah di bawah tanggungjawab Tengku Anom serta raja

Ligor yakin urusan diplomatik antara kedua kerajaan akan berjalan dengan lancar pada masa akan datang.

Sementara faktor penarik kedua ialah kekacauan di negeri Kedah yang berlaku secara berterusan. Sebenarnya, kekacauan tersebut telah dirancang oleh Tengku Anom sebelum berangkat ke Ligor lagi. Tengku Anom telah bermuafakat dengan pembesar dan hamba raja (panglima-panglima) yang boleh dipercayai untuk membuat kekacauan dengan menyerang angkatan tentera Phya Sina Nunchit di Kedah tanpa henti. Tujuan Tengku Anom berbuat demikian adalah untuk menimbulkan kesusahan kepada pentadbiran Ligor di Kedah di samping mendapatkan kerajaan Kedah semula. Akhirnya, rancangan ini berjaya kerana pentadbiran Ligor di Kedah benar-benar mengalami kesusahan seperti kerugian perniagaan dan ramai tentera Ligor yang terkorban. Buktinya:

Maka banyak kali-lah tewas Phya Sina Nunchit. Maka akhir-nya di-perbuat-nya surat lalu di-persembahkan kepada bapa-nya di Ligor mengatakan orang2 Kedah makin kuat me-langgar-nya dan ia tampak tiada ada guna lagi baginya menunggu di-dalam negeri Kedah itu kerana perbelanjaan mereka sa-makin bertambah2 dan orang2nya pun ramai yang mati, dan ia tiada tampak suatu apa2 pun keuntungan bagi-nya menunggu di dalam Kedah melainkan mendapat kerugian di dalam sa-genap perkara (Mohd Zahid Mohd Shah 1968:152-159).

Dengan usaha Tengku Anom dan rakannya telah mengubah warna kehidupan rakyat Kedah, iaitu daripada gelap kepada terang, daripada berajakan keturunan Ligor kepada bersultankan semula keturunan Kedah dan daripada peperangan kepada hubungan pendamaian. Kesimpulannya, strategi mempertautkan semula hubungan diplomatik yang diusahakan oleh Tengku Anom ini merupakan strategi yang boleh digunakan pada masa kini untuk menyelesaikan konflik antara kerajaan tanpa mengambil jalan kekerasan.

KESIMPULAN

Menerusi perbincangan di atas, ternyata strategi diplomatik bervariasi merupakan bukti kepada kearifan lokal orang Melayu, khususnya pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu. Hal ini kerana, setiap strategi yang dihasilkan diiringi dengan langkah-langkah penyelesaian yang disesuaikan dengan keadaan atau peristiwa yang berlaku. Pengurusan terhadap pentadbiran dalam urusan diplomatik dikawal dengan begitu sistematik yang memperlihatkan kebitaraan orang Melayu dalam membentuk, melangsungkan dan mengukuhkan

hubungan sama ada hubungan baru mahupun yang sudah lama terjalin. Daya fikir dan daya tenaga sultan serta pembesar digabungkan untuk menghasilkan strategi diplomatik yang mantap bagi mewujudkan kesefahaman diplomatik dan penyelesaian hubungan antara kerajaan.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. 2007. *Keinsanan dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- A.Samad Ahmad (sunt.). 2010. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Edisi kesepuluh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Apriyanto, Y. dkk. 2008. *Kearifan Lokal dalam Mewujudkan Pengelolaan Sumberdaya Air yang Berkelanjutan*. Bogor: PKM IPB.
- Cartesao, A. (sunt.). 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*. (Jilid Dua.). London: Kalkuyat Society.
- Aronson, E. 2001. Integrating leadership styles and ethical perspectives. *Canadian Journal of Administrative Sciences* 18: 244-256.
- Ensiklopedia Dunia*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadhulullah bin Jamil. 1984. Perhubungan antara Kerajaan Aceh dengan semenanjung tanah Melayu. Satu tinjauan sejarah di sekitar abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi. *Nusantara* 12: 37-58.
- Hassan Ahmad. 2006. *Ke Arah Kelahiran Melayu Glokal*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn Berhad.
- Jelani Harun. 2003. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman: Muhammad Hassan dan Kepengarangan Istana Melayu Awal Abad ke-20. Kertas kerja dalam Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu III. Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, 3-5 Jun.
- Hashim Musa. 2004. *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban.
- Holsti, K.J. 1983. *International Politics: A Framework for Analysis*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Hooker, V. M. (sunt.). 1998. *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanungo, R. N. 2001. Ethical values of transactional and transformational leaders. *Canadian Journal of Administrative Sciences* 18: 257-265.
- Keraf, A.S. 2010. *Etika Lingkungan Hidup*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 1988. *Thai-Malay Relations: Traditional Intra-Religious Relations From the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*. Singapore: Oxford University Press.
- Mingst, K. 1998. *Essentials of International Relations*. New York: Norton & Company Inc.
- Mohamad Faisal Keling & Mohammad Fuad Othman. 2006. *Pengajian Strategi Ilmu sebagai Disiplin*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

- Mohd Zahid bin Mohd Shah (sunt.). 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Muhammad. 2005. *Perhubungan Antarabangsa: Konsep dan Konteks*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Muhammad Imarah. 1999. *Islam dan keamanan Sosial*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nasihah al-Muluk*, MS Dc.6. 73-74:128
- Noriah Taslim. 2009. Raja Ali Haji dan Strategi Alih Kuasa dalam Tuhfat al-Nafis. Kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Kekuasaan dalam Sastera Melayu Nusantara. Dewan Kuliah A, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 25-26 Julai.
- Pogadaev, V. A. 2010. Perjuangan Kesultanan Aceh mempertahankan kemerdekaannya: Diplomasi sulit dan politik intrik. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2(1): 182-193.
- Ridwan, N.A. 2007. Landasan Keilmuan Kearifan Lokal. *Jurnal Studi Islam dan Budaya* 5(1): 27-38.
- Sarjit S. Gill. 2001. Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. *Jurnal Sari* 19: 189-203.
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Salleh (sunt.). 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Trevino, L. K., Brown, M., & Hartman, L. P. 2003. A qualitative investigation of perceived executive ethical leadership: Perceptions from inside and outside the executive suite. *Human Relations* 56: 5-37.
- Wan Seng Ann. 2006. *Rahsia Bisnis Orang Cina*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Zulhilmi Paidi & Asrar Omar (sunt.). 2003. *Hubungan Luar Antarabangsa*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Salmah Jan binti Noor Muhammad, Ph.D.

Pensyarah Kanan

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia*

43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: salmahjan@upm.edu.my

salmahjannoor@gmail.com

